



**KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BAGI TAHUN 2019**

MBJ KPLB

**BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2019**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2019	5 Mac 2019	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Dato' Dr. KSU
2/2019	14 Jun 2019	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Dato' Dr. KSU
3/2019	30 September 2019	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KPLB	YBhg. Dato' SUBK (KP)
4/2019	28 November 2019	Bukit Gambang Resort City, Pahang	YBhg. Dato' Dr. KSU

**JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2019**

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN					
	2018	1/2019	2/2019	3/2019	4/2019	JUMLAH
Elaun dan Kemudahan	-	1	-	-	-	1
Kewangan	-	-	-	-	1	1
Perkhidmatan	-	1	1	-	2	4
Skim Perkhidmatan dan Perjawatan	-	-	-	1	-	1
Kebajikan	-	1	1	1	1	4
Pentadbiran	-	2	1	2	-	5
Hal-hal Lain	-	3	2	-	-	5
JUMLAH	-	8	5	4	4	21

**SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
TAHUN 2019**

KATEGORI : **ELAUN DAN KEMUDAHAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon agar tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM) bagi pegawai-pegawai di KPLB seperti mana Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKLW Bilangan 4 Tahun 2018 para 4.2 iaitu tempoh minimum yang dibenarkan bagi tujuan tuntutan bayaran ELM adalah minimum 1 jam bagi hari kerja biasa dan minimum 4 jam bagi cuti mingguan/cuti am dimansuhkan.	Surat Pekeliling KSU Bil. 4/2018 bertarikh 18 April 2018 telah dibatalkan dan diganti dengan Surat Pekeliling KSU Bil. 1/2019. Surat Pekeliling KSU ini telah dimuatnaik melalui Portal KPLB pada 27 Mac 2019.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Bhg. Kew

KATEGORI : **KEWANGAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi proses tuntutan elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan dijelaskan.	Bahagian Kewangan memaklumkan sebagaimana Arahan Perbendaharaan (AP) 103, proses pembayaran adalah dalam tempoh 14 hari dari ianya diterima dan dokumen lengkap serta peruntukan mencukupi. Sekiranya tuntutan dikui, tempoh pembayaran 14 hari akan bermula selepas dokumen yang lengkap dikembalikan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Makluman

KATEGORI : **PERKHIDMATAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **4**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Wakil Pemandu memohon agar Pemandu yang akan bersara di gred H11 dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke gred H14.	Bahagian PSM mencadangkan agar isu ini dibawa oleh Pihak Pekerja kepada pihak CUEPACS untuk dibawa kepada pihak JPA semasa Mesyuarat Bersama Kebangsaan (MBK).	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Makluman
2.	Takrifan lewat hadir ke pejabat di laporan TAMS yang mempengaruhi kriteria penilaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di KPLB.	Bahagian PSM menjelaskan bahawa salah satu kriteria yang melayakkan pegawai dipertimbangkan untuk penganugerahan APC adalah laporan kad perakam waktu yang baik di mana bilangan lewat adalah	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Makluman

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		tidak melebihi 6 hari dalam setahun. Pengiraan lewat hadir ke pejabat adalah berdasarkan alasan yang tiada pengesahan daripada Ketua Jabatan.	
3.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya direktori warga KPLB ditambah dengan gred jawatan.	Cadangan pihak pekerja digugurkan dan maklumat direktori warga KPLB kekal seperti sedia ada.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Makluman
4.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya satu pangkalan data disediakan bagi mengumpulkan isu-isu yang pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat MBJ sebelum ini untuk dijadikan sebagai rujukan dan memudahkan pemantauan tindakan yang diambil.	Bahagian ICT memaklumkan kompilasi isu dan maklumbalas telah disediakan di dalam Portal KPLB dan Sistem MyMesyuarat pula menyediakan kemudahan carian mengenai sesuatu isu yang dibangkitkan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Makluman

KATEGORI : **SKIM PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja membangkitkan isu berkaitan kekosongan jawatan PT(P/O) Gred N22 di Bahagian-Bahagian yang tidak diisi oleh PT(P/O) Gred N22 (TBBK) sedia ada di KPLB	Bahagian PSM sentiasa mengambil kira untuk mempertimbangkan penempatan secara hakiki jika difikirkan di kalangan 27 orang PT(P/O) Gred N22 (TBK) di Kementerian ini layak untuk diperakukan	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Bhg. PSM

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
	tetapi diisi oleh PT(P/O) Gred N22 daripada luar.	kepada JPA berdasarkan syarat-syarat tertentu seperti kekanan pegawai, LNPT dan sikap pegawai yang sesuai untuk penempatan tersebut.	

KATEGORI : **KEBAJIKAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **4**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Harga makanan di kafeteria KPLB terlalu mahal.	YBhg Dato' Dr. KSU menyarankan agar Bahagian P memantau harga dan memastikan tanda harga setiap menu dipamerkan dari semasa ke semasa.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Bhg. P
2.	Pihak Pekerja mencadangkan agar <i>ventilation fan</i> di pasang di kawasan kafeteria untuk memberi keselesaan dan pengudaraan yang baik kepada warga KPLB ketika berada di kafeteria.	Cadangan pemasangan <i>ventilation fan</i> tambahan di ruang makan kafeteria adalah tidak sesuai berikutan kafeteria KPLB telah dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Makluman
3.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya perkhidmatan TASKA ini diperluaskan kepada kanak-kanak berumur 6 bulan ke atas seperti yang telah dipersetujui sebelum ini.	Pihak Pengurusan pada Disember 2017 telah memutuskan agar pengubahsuaian ini hanya melibatkan aras sedia ada dengan mengambil kira pertambahan kapasiti bilangan kanak-kanak dari 2 hingga 4 tahun	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Bhg. P

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		<p>dengan anggaran kos sebanyak RM600,000.00 sahaja. Perubahan ini juga mengakibatkan cadangan asal untuk menempatkan kanak-kanak berusia 4 bulan hingga 2 tahun terbatal.</p> <p>YBhg. Dato' Dr. Pengerusi berpandangan bahawa pengubahsuaian TASKA bagi menempatkan bayi 6 bulan hingga 2 tahun lebih sesuai dilaksanakan di Institut Kemajuan Desa (INFRA) memandangkan premis tersebut adalah milik KPLB bergantung kepada peruntukan dan kajian kemungkinan.</p>	
4.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya pihak Pengurusan menyediakan ruang yang sesuai untuk diwujudkan gimnasium/ mini gimnasium.	YBhg. Dato' Dr. Pengerusi menyarankan supaya warga KPLB menggunakan kemudahan gimnasium di INFRA sementara pihak Kementerian mengusahakan penyediaan mini gimnasium di bangunan KPLB ini.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Makluman

KATEGORI : PENTADBIRAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 5

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPIADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan agar penyusunan semula ruang petak Tempat Letak Kenderaan (TLK) diselaraskan mengikut perjawatan yang baharu di Bahagian/ Unit.	Tindakan mengecat semula kesemua lot TLK tersebut dengan nama jawatan pegawai telah selesai dijalankan oleh Ambang Wira Sdn. Bhd. (AWC) pada bulan Mei 2019.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Bhg. P
2.	Cadangan agar permohonan laluan pejalan kaki antara kawasan meletak kenderaan (berhampiran bangunan KPLB dan AGC) dan bangunan KPLB diangkat semula.	Perbadanan Putrajaya telah membina <i>speed braker</i> di kawasan yang telah dikenal pasti untuk mengurangkan kelajuan kenderaan pada awal Ogos 2019.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2019 Tindakan : Bhg. P
3.	(i) Cadangan agar warga KPLB yang telah berkhidmat melebihi 35 tahun dipertimbangkan penyediaan lot khas Tempat Letak Kereta (TLK) bagi menghargai jasa perkhidmatan mereka. (ii) Lot Parking bertingkat berhampiran KPLB.	(i) Tiada pegawai yang memenuhi kedua-dua kriteria iaitu telah berkhidmat selama 35 tahun dan mempunyai masalah kesihatan untuk diberikan lot khas. (ii) Bahagian P telah menghubungi pihak Nadiputra untuk membuka kaunter di Lobi KPLB, namun pihak Nadiputra tidak dapat membuka kaunter di KPLB memandangkan mesin membuat pass parking dan tambah nilai hanya boleh dilaksanakan di Kaunter Nadiputra di Putrajaya Sentral.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Bhg. P
4.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya tempat letak kereta yang dikhususkan kepada ibu mengandung dilaksanakan dengan konsep <i>first come first serve</i> bukan dikhaskan kepada seseorang pegawai sahaja.	Lot-Lot TLK ini adalah terbuka kepada ibu mengandung dengan menggunakan konsep <i>first come first serve dan sticker</i> khas akan diberikan kepada ibu mengandung berdasarkan permohonan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2019 Tindakan : Makluman

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
5.	Pihak Pekerja mencadangkan supaya kerusi roda disediakan di lobi bagi memberi kemudahan segera kepada pelanggan KPLB yang memerlukan.	Bahagian P telah menempatkan satu unit kerusi roda di lobi bagi tujuan tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2019 Tindakan : Makluman

KATEGORI : **HAL-HAL LAIN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **5**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon penjelasan berkaitan perkhidmatan ATM di bangunan KPLB.	Mesin Juruwang Automatik (ATM) ditangguhkan pemasangannya bagi memberi laluan kepada pengubahsuaian Lobi KPLB.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Bhg. P
2.	Bilik Terapi Minda sebagai pendekatan untuk mengurangkan tekanan di tempat kerja.	Tiada peruntukan khusus untuk mewujudkan Bilik Terapi Minda. Perkara ini telah dibangkitkan semasa Sesi Pemeriksaan Bajet Tahun 2020 dan pihak MOF memaklumkan supaya menggunakan penjimatan dalaman untuk tujuan tersebut. Pihak Pekerja bersetuju untuk menangguhkan penyediaan Bilik Terapi Minda ini.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Bhg. PSM
3.	Pihak Pekerja mencadangkan agar harga tali leher dan tudung korporat KPLB yang bernilai RM50.00 dapat dikurangkan.	Mesyuarat Jawatankuasa KKSKPLB Bil. 2/2019 pada 2 Mei 2019 bersetuju bahawa kos pembelian tali leher dan tudung korporat KPLB adalah sedia ada tinggi dan harga	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : KKSKPLB

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		jualan yang ditetapkan adalah berpatutan dengan kualiti produk tersebut. Keuntungan jualan tersebut akan disalurkan untuk tujuan kebajikan di samping menjalankan aktiviti kepada ahli.	
4.	Teguran daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).	Mesyuarat mengambil maklum akan teguran daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) berkaitan beberapa isu-isu keselamatan pejabat dan dokumen rasmi kerajaan yang perlu diberi perhatian.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2019 Tindakan : Makluman
5.	Mesyuarat MBJ KPLB Bil. 3 Tahun 2019 diadakan di luar pejabat.	Mesyuarat MBJ KPLB Bil. 4 diadakan di Bukit Gambang Resort City, Pahang pada 27 hingga 29 November 2019	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2019 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2019 Tindakan : Urus setia dan J/K Pihak Pekerja

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)